Panduan Hidup Bermasyarakat mengikut

AL-QURAN

TAFSIR AL-AZHAR

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمۡ فَاسِقُۢ بِنَبَإٖ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن تُصِيبُواْ قَوۡمَۢا بِجَهَٰلَةٖ فَتُصۡبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلۡتُمۡ نَٰدِمِينَ ٦

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan (Al-Hujurat, 6)

Ayat ini jelas sekali, memberikan larangan yang sekeras-kerasnya cepat percaya kepada berita yang dibawa oleh seorang yang fasik, memburukkan seseorang atau suatu kaum. Janganlah perkara itu langsung saja diiyakan atau ditidakkan, melainkan diselidikilah terlebih dahulu dengan saksama sekali benar atau tidaknya. Jangan sampai kerana terburu menjatuhkan keputusan yang buruk atas suatu perkara, sehingga orang yang diberitakan itu telah mendapat hukuman, padahal kemudian teryata bahwa tidak ada sama-sekali salahnya dalam perkara yang diberitakan orang itu.

Di dalam sebab turunnya ayat ada disebutkan bahawasanya hal ini bersangkut paut dengan berita yang dibawa kepada Rasulullah oleh al-Walid bin Uqbah bin Abu Mu'ith.

Menurut riwayat Sa'id yang diterimanya dari Qatadah bahwa pada suatu hari Nabi s.a.w. mengutus al-Walid bin Uqbah itu memungut sedekah (zakat) kepada Bani Musthaliq, yang telah mengaku tunduk kepada Nabi dan telah memeluk Agama Islam. Sesampai al-Walid di negeri Bani Musthaliq itu, maka maksudnya memungut zakat itu tidaklah berhasil baik. Lalu al-Walid segera pulang ke Madinah dan melaporkan kepada Nabi s.a.w. bahwa Bani Musthaliq itu telah murtad dari Islam. Lalu Rasulullah s.a.w. mengutus Khalid bin al-Walid bersama seperangkatan tentara datang ke negeri itu. Tetapi kedatangan itu janganlah menghebohkan dan disuruh beliau menyelidiki terlebih dahulu dengan seksama dan teliti, dan jangan terburu-buru mengambil sikap keras. Khalid langsung melaksanakan perintah itu dan dia datang ke tempat itu pada malam hari, sehingga tidak ada orang yang tahu.

Khalid langsung melaksanakan perintah itu dan dia datang ke tempat itu pada malam hari, sehingga tidak ada orang yang tahu. Setelah itu dikirimnyalah beberapa orang perisik masuk ke dalam kampung itu untuk menyelidiki lebih mendalam dan lebih dekat. Setelah berapa lamanya, perisik itu pun datang kembali membawa laporan bahawa penduduk kampung Bani Musthaliq itu menjalankan Agama Islam dengan baik, kedengaran azan dan sembahyang berjamaah pada waktunya.

Setelah itu perisik itu pun datang kembali kepada Khalid membawa laporan, berita bahwa orang-orang itu murtad adalah berita bohong belaka. Jelas sekali bahwa mereka tetap dalam Islam. Khalid pun segera melaporkan segala hasil penyelidikannya itu kepada Nabi. Maka turunlah ayat ini, memberi ingat bahwa jika datang orang fasik membawa berita hendaklah selidiki lebih dahulu dengan seksama, jangan sampai suatu kaum menderita suatu malapetaka dengan tidak semena-mena, padahal bukan kesalahannya. Kalau hal ini kejadian, tentulah kamu juga yang menyesal.

Nabi sendiri sampai berkata:

اَلتَّأَنِّيْ مِنَ اللهِ وَالْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ

"*Menyelidiki dengan tenang adalah dan Allah dan tergopoh-gopoh adalah dan syaitan*"

Dalam lain riwayat disebutkan pula bahwa al-Walid diutus kepada Bani Musthaliq itu setelah mereka memeluk Islam. Setelah mendengar bahawa dia datang, Bani Musthaliq itu datang ramai-ramai hendak menemuinya maka al-Walid itu sendiri yang timbul takutnya, sehingga lekas-lekas dia lari kembali menemui Rasulullah dan melaporkan bahawa kaum itu mengejarnya dan hendak membunuhnya dan mereka tidak mahu membayar zakat.

Mendengar laporan itu bermaksudlah Rasulullah hendak datang segera menundukkan dan menaklukkan mereka. Tetapi untung; sebab sebelum Rasulullah dan angkatannya berangkat ke negeri kaum itu, maka utusan mereka telah datang lebih dahulu menemui Rasulullah ke Madinah, lalu mereka berkata: "Ya Rasulullah! Kami mendengar utusan engkau telah tiba, maka kami pun datanglah beramai-ramai hendak menemui dia dan menghormati kedatangannya, dan hendak membayar zakat yang wajib kami bayar. Tetapi sebelum kami sampai ke tempatnya, dia telah lari! Kemudian sampai pula kepada kami berita bahawa dia mengadu kepada Rasulullah bahwa kami hendak membunuhnya. Demi Allah, tidaklah kami berniat begitu sama-sekali.

Pada waktu itulah turun wahyu ini, yang terang-terang menjadi bukti atas kebenaran pengakuan mereka, bahawa mereka sekali-kali tidak berniat hendak membunuh Utusan Rasul. Bahkan di dalam ayat dijelaskan sekali bahwa al-Walid telah diberi nama yang hina, iaitu tegasnya seorang pembohong!

Ibnu Zaid dan Muqatil dan Sahl bin AbduLah memberi arti fasik itu ialah *Kadzaab, Pembohong*! Abul Hasan al-Warraaq memberi arti orang fasik ialah "*orang yang tidak segan-segan menyatakan suatu perbuatan dosa*".

Inilah satu contoh teladan yang jelas sekali akan jadi pedoman bagi kaum Muslimin bahawasanya mereka tidak boleh cepat saja menerima suatu berita, yang di zaman moden ini kerapkali dinamai isu-isu atau khabarnya konon! Atau gossip, atau fitnah yang dicipta, sehingga masyarakat menjadi heboh! Khabar berita demikian kadang-kadang tidak tentu saja hujung pangkalnya, dan orang banyak orang banyak cepat saja menerima dengan tidak berfikir panjang atas kebenarannya.

PROF. DR. HAMKA
تفسير الأزهر
TAFSIR AL-AZHAR
DIPERKAYA DENGAN PENDEKATAN SEJARAH, SOSIOLOGI, TASAWUF, ILMU KALAM, SASTRA, DAN PSIKOLOGI
JUZ 1, 2, 3
1
KARYA ULAMA BESAR INDONESIA
TAFSIR AL-AZHAR
PROF. DR. HAMKA
1 JUZ
2 JUZ
3 JUZ
4 JUZ
5 JUZ
6 JUZ
7 JUZ
8 JUZ
9 JUZ